

BULETIN ICT

NEGERI MELAKA



PERBANKAN INTERNET

TOKOH

Warren E. Marshall

INFORMASI

Gadget : PS4, Wii U, Xbox One,
Galaxy Tab 3 Kids

NOV 2013



Bahagian K-Ekonomi
Jabatan Ketua Menteri Melaka

FOKUS

Statistik Perbankan Internet

Tips Keselamatan Penggunaan
Perkhidmatan Perbankan Internet

Bank Negara Kaji Caj ?

Perbandingan Perkhidmatan
Perbankan Internet

Jenis Ancaman Siber
Perbankan Internet

Perutusan Ketua ICT Negeri Melaka

BISMILLAHIRAHMANNIRAHIM

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera



Internet telah diperkenalkan sejak tahun 1950an, dan seterusnya pada 1982 protokol internet telah dipiawaikan, bagi membolehkan pelbagai aplikasi internet dibangunkan serta memudahkan komunikasi antara komputer dalam rangkaian, sungguhpun menggunakan sistem operasi yang berbeza.

Antara protokol yang paling popular dalam internet ialah *World Wide Web* (WWW) yang mula direkacipta pada tahun 1990. Pada tahun 1996, protokol web ini berjaya dilengkapkan dengan ciri-ciri keselamatan yang dikenali dengan *Secure Socket Layer* (SSL) versi 3, yang melahirkan transaksi *Hypertext Transfer Protocol Secure* (HTTPS), yang beroperasi pada port TCP 443. Setelah inovasi ini, pelbagai aplikasi internet mula mendapat kepercayaan untuk berfungsi dalam rangkaian awam.

Bukti jaminan keselamatan serta tahap kepercayaan terhadap protokol https ini ialah penerimaan penggunaannya dalam aplikasi perbankan internet, di mana hampir semua bank di dunia kini telah menyediakan perbankan internet. Populariti perbankan internet ini telah menunjukkan peningkatan yang begitu ketara, begitu juga dengan kemudahan nilai tambah yang membolehkan transaksi perbankan internet dilakukan dengan murah, cepat, mudah dan tepat.

Kerajaan Negeri Melaka pula begitu serius untuk mengurangkan kitaran tunai, sebaliknya menggalakkan penggunaan perbankan internet. Ini meliputi aspek latihan dan pemantauan yang dilakukan melalui dua (2) flagship iaitu e-Komuniti dan e-Dagang, ke atas pelatih terutamanya kepada ibu tunggal, warga pencer, suri rumah dan pekerja kolar biru. Portal eBay juga sedang diperlengkapkan untuk menjadi satu portal gerbang pembayaran bersepadu untuk seluruh agensi di negeri Melaka. Ini dimantapkan lagi dengan pengenalan My.MelakaKAD melalui kerjasama Touch 'N Go, ke arah menjadikan negeri Melaka sebagai "The First Cashless State in Malaysia".

Dr. Mohamed Sulaiman Sultan Suhaibuddeen
Ketua ICT Negeri Melaka @ Ketua Editor

ISTAKANDUNGAN

FOKUS

- | | |
|---|-----|
| Perbankan Internet | 4-5 |
| Statistik Perbankan Internet | 6 |
| Tips Keselamatan Penggunaan Perkhidmatan Perbankan Internet | 7 |
| Bank Negara Kaji Caj Perkhidmatan | 7 |
| Perbandingan Perkhidmatan Perbankan Internet | 8-9 |
| Jenis Ancaman Siber Berkaitan Perkhidmatan Perbankan Internet | 10 |

TOKOH

- | | |
|---|----|
| Warren E. Marshall: CEO Bank 'Internet' | 11 |
|---|----|

INFORMASI

- | | |
|------------------------------|----|
| Gadget Terkini November 2013 | 12 |
|------------------------------|----|

PROGRAM

- | | |
|-----------------------------------|----|
| Senarai Program ICT November 2013 | 13 |
| Gambar Pelaksanaan Program ICT | 14 |

- | | |
|---|---------|
| Senarai Bank Malaysia Yang Menawarkan Perkhidmatan Perbankan Internet | 15 - 16 |
|---|---------|

Penaung
Y.A.B Datuk Seri Ir. Hj. Idris bin Hj. Haron
Ketua Menteri Melaka

Penasihat
YB Datuk Wira Hj. Naim bin Abu Bakar
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka

Ketua Editor
Dr. Mohamed Sulaiman bin Sultan
Suhaibuddeen
Ketua ICT Negeri Melaka

Editor
Muaz bin Ghazali

Sumbangan Bahan
Bahagian K-Ekonomi, Jabatan Ketua Menteri Melaka

Penerbit & Percetakan
Bahagian K-Ekonomi,
Inkubator K-Ekonomi, Jln Business City,
Bandar MITC, Hang Tuah Jaya,
75450 Ayer Keroh, Melaka.
No. Tel : 06-2324425/4436
No.Faks : 06-2331460
Laman Web : <http://www.emelaka.gov.my>

Hak Cipta Terpelihara | Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluar ulang, disimpan dalam sistem dapat kembali, atau disiaran, dalam apa-apa jua cara, sebelum mendapat izin bertulis daripada Bahagian K-Ekonomi. Sidang editor berhak melakukan penyuntingan ke atas tulisan yang diterima selagi tidak mengubah isinya. Bahagian K-Ekonomi mahupun Kerajaan Negeri Melaka tidak akan bertanggungjawab sekiranya maklumat di dalam Buletin ini menyebabkan kerugian kepada para pembaca kerana maklumat yang disampaikan tidak semestinya mencerminkan pendapat dan pandirian Bahagian K-Ekonomi mahupun Kerajaan Negeri Melaka.

Ikuti Perkembangan:

Y.A.B Datuk Seri Ir. Hj. Idris bin Hj. Haron

Perbankan Internet

Perkhidmatan Perbankan Yang Menjimatkan Masa

Perbankan Internet pada masa ini bukan suatu perkara yang asing di kalangan pengguna internet mahupun perkhidmatan perbankan. Perkembangan pesat di dalam bidang teknologi dan komunikasi telah membawa kesan yang ketara ke atas sektor perbankan. Kemajuan teknologi telah membolehkan produk dan perkhidmatan perbankan ditawarkan dengan lebih cekap dan berkesan kepada pengguna. Sebagai takrifan, perbankan internet merupakan satu perkhidmatan perbankan atas talian (online) yang ditawarkan oleh institusi perbankan kepada pengguna.

Dengan adanya perkhidmatan perbankan internet ini, pengguna tidak perlu menunggu untuk berurus di kaunter bank, kerana pengguna boleh melakukan pelbagai urusan kewangan di rumah, pejabat atau di mana-mana sahaja di serata dunia. Secara ringkasnya, jika pengguna mempunyai sebuah komputer yang mempunyai sambungan internet dan akaun di bank yang menawarkan perkhidmatan perbankan internet, maka pengguna sudah pasti boleh menjalankan urusan perbankan di hadapan komputer sahaja.

Walaupun bagaimanapun, penggunaan perkhidmatan perbankan internet masih tidak popular di negara ini, terutama dalam kalangan peniaga kecil. Antara faktor utama perkhidmatan perbankan internet kurang mendapat sambutan adalah kurang keyakinan terhadap keselamatan sistem perbankan Internet selain pengguna tidak biasa menjalankan transaksi perbankan secara dalam talian.

SEJARAH

Perbankan internet mula digunakan di dunia ini adalah pada tahun 1994 di mana sebuah institusi kewangan iaitu Stanford Federal Credit Union yang beroperasi di Sao Alto, California merupakan institusi kewangan pertama di dunia yang menawarkan perkhidmatan perbankan internet kepada penggunanya dengan memperkenalkan penggunaan laman web sebagai medium perkhidmatan perbankan.



Di Malaysia pula, institusi kewangan yang pertama menawarkan perkhidmatan perbankan internet kepada pengguna ialah Malayan Banking Berhad atau lebih dikenali sebagai Maybank iaitu pada tahun 2000.

Perkhidmatan perbankan internet yang dipanggil Maybank2u.com telah dilancarkan oleh Gabenor Bank Negara pada ketika itu iaitu Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz. Perkhidmatan yang boleh dimasuki di alamat <http://www.maybank2u.com.my> itu menawarkan pelbagai perkhidmatan perbankan antaranya pembukaan akaun, pertanyaan baki, pemindahan wang dan pembayaran bil.

Buat masa ini, terdapat sebanyak 31 institusi kewangan di negara ini yang didaftarkan oleh Bank Negara Malaysia sebagai institusi kewangan yang menawarkan perkhidmatan perbankan internet kepada pengguna di negara ini.



PERKHIDMATAN

Pelbagai perkhidmatan ditawarkan oleh bank ataupun institusi kewangan yang menawarkan perkhidmatan perbankan internet kepada pengguna dan tidak semestinya sesuatu perkhidmatan itu ditawarkan oleh setiap institusi kewangan kerana perkhidmatan perbankan internet adalah bergantung kepada kesesuaian institusi kewangan yang menawarkannya.

Namun, terdapat perkhidmatan dasar yang seharusnya ditawarkan melalui perbankan internet kepada anda seperti:

1. Menyemak baki akaun dan penyata akaun
2. Memindah dana di antara akaun
3. Membayar bil, kad kredit, pinjaman dan premium insurans
4. Membeli kredit pra-bayar telefon bimbit
5. Memohon e-penya

KEBAIKAN

Perbankan Internet menyediakan suatu kaedah yang cepat dan mudah kepada pengguna untuk menjalankan pelbagai transaksi perbankan, semasa atau di luar waktu perbankan. Dengan kemudahan internet yang meluas pada hari ini, tidak menjadi satu beban kepada pengguna untuk menggunakan perkhidmatan perbankan internet kerana kebanyakan institusi perbankan menawarkan perkhidmatan ini 24 jam sehari, 7 hari seminggu. Ia menjimatkan masa kerana anda tidak perlu lagi pergi ke bank, beratur dan menunggu untuk mendapatkan perkhidmatan perbankan atau membayar bil.



Perbankan Internet tidak memerlukan pengguna beratur di kaunter

Selain itu, pengguna yang ingin membeli barang secara atas talian sudah pasti merasakan perbankan internet memudahkan urusan pembelian mereka kerana pada bila-bila masa sahaja mereka boleh melakukan transaksi pembelian dan menyemak transaksi mereka dalam masa yang sama kerana perbankan internet dapat menyimpan segala maklumat akaun dan transaksi yang dilakukan.

KESELAMATAN

Seperti sistem-sistem lain, penggunaan perbankan Internet turut mengandungi risiko. Walau bagaimanapun, tahap risiko telah diminimumkan melalui pemeriksaan sistem keselamatan secara berterusan oleh institusi perbankan dan sikap berhati-hati pengguna apabila menggunakan perkhidmatan perbankan Internet. Institusi perbankan telah berusaha sepenuhnya untuk memastikan sistem perbankan Internet yang dibangunkan adalah selamat untuk pengguna. Tambahan pula, institusi perbankan dikehendaki mematuhi garis panduan minimum yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia dalam memastikan keselamatan pengguna terjamin semasa menggunakan perkhidmatan perbankan internet.

Selain itu, setiap institusi perbankan yang menawarkan perkhidmatan perbankan internet melalui laman web adalah disahkan dan dipantau oleh sebuah badan bebas iaitu WebTrust yang sentiasa memantau dan menguji kemudahan yang disediakan oleh institusi perbankan dalam memastikan perkhidmatan perbankan internet sentiasa mengekalkan standard tertinggi dan terkini dalam urusan pertukaran dan keselamatan maklumat.



INISIATIF

Melihat kepada potensi perkhidmatan perbankan internet ini untuk meningkat seiring dengan sektor perkhidmatan kewangan yang semakin canggih, pelbagai inisiatif dirancang oleh kerajaan melalui Bank Negara Malaysia dalam meningkatkan penggunaan perkhidmatan ini di kalangan pengguna. Antaranya ialah memastikan sekurang-kurangnya satu kiosk perbankan internet ditempatkan di semua cawangan bank seluruh negara dalam usaha memudahkan lagi akses perbankan internet dan perkhidmatan urus niaga Sistem GIRO Antara Bank (IBG) menjelang Mac 2014.



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Inisiatif ini dilakukan bagi menggalakkan penggunaan perkhidmatan pembayaran secara elektronik (e-pembayaran) dalam kalangan pengguna dan peniaga. Selain itu, Bank Negara dengan kerjasama Persatuan Bank-Bank Malaysia (ABM) melancarkan kempen pendidikan bagi menggalakkan penggunaan perbankan internet dan urus niaga IBG.

STATISTIK PERBANKAN INTERNET

Malaysia

15.1 juta

jumlah pelanggan perbankan internet yang terdiri daripada



14.8 juta

pelanggan individu

300,000 pelanggan korporat

*data diambil sehingga September 2013

“ Perbankan Internet adalah jenis pembayaran yang menjana transaksi tertinggi iaitu **RM2.6 trillion**

Sumber: Metro Harian, 3 Disember 2013

JUMLAH PELANGGAN PERBANKAN INTERNET MENGIKUT TAHUN

2005	2.6 juta	
2006	3.2 juta	↑ 23.1%
2007	4.6 juta	↑ 43.8%
2008	6.2 juta	↑ 34.8%
2009	8.1 juta	↑ 30.7%
2010	9.8 juta	↑ 30.0%
2011	11.9 juta	↑ 21.4%
2012	13.7 juta	↑ 15.1%
Sept '13	15.1 juta	↑ 10.2%


*data diambil sehingga September 2013

Melaka



Nilai Transaksi Perkhidmatan Internet Tahun 2013

Bilangan Penggunaan Perbankan Internet Tahun 2013



Bank Negara Malaysia
Galak Kaedah Pembayaran
Secara Elektronik

Sumber: Bank Negara Malaysia

Berkuat kuasa 2 Mei 2013 yang lalu, caj untuk urus niaga Sistem GIRO Antara Bank atau IBG (Interbank GIRO) yang dilakukan secara dalam talian melalui perbankan Internet dan perbankan mudah alih diturunkan daripada RM2 kepada 10 sen. Caj IBG dalam talian yang rendah ini bertujuan memberi insentif kepada pengguna untuk beralih daripada kaedah pembayaran berkos lebih tinggi yang lain kepada kaedah pembayaran alternatif yang lebih murah.

Pembayaran dalam talian melalui perbankan Internet dan perbankan mudah alih memberikan manfaat yang ketara kepada individu dan peniaga. Setiap individu akan menikmati kemudahan urus niaga pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja tanpa perlu beratur di kaunter bank, manakala peniaga pula boleh mengurangkan kos menjalankan perniagaan melalui pengurangan atau penggunaan semula sumber yang sebelumnya digunakan untuk mengendalikan wang tunai dan cek.

Bagi mengurangkan kos dan ketidakcekapan yang berkaitan dengan penggunaan cek, caj untuk cek akan dinaikkan secara beransur-ansur bagi mencerminkan kos pengeluaran sebanyak RM3.00 bagi setiap cek. Tempoh selama setahun akan diberikan kepada orang ramai dan para peniaga untuk membiasakan, menyesuaikan diri dan beralih kepada penggunaan IBG bagi urusan pembayaran mereka. Berkuat kuasa 1 April 2014, pihak bank akan mengejakan caj memproses cek sebanyak 50 sen bagi setiap cek kepada pengeluar cek. Caj ini ialah tambahan kepada duti setem sedia ada sebanyak 15 sen bagi setiap cek.

Caj Interbank Giro (IBG)

RM 2.00 → **RM 0.10**
(lama) penurunan (baru)

Caj Memproses Cek

RM 0.15 → **RM 0.50**
(lama) kenaikan (baru)

Tips Keselamatan Penggunaan Perkhidmatan Perbankan Internet

1

Tidak ada mana-mana institusi kewangan/bank yang meminta maklumat peribadi mahupun akaun pelanggannya menerusi SMS, email atau pun panggilan telefon

2

Tidak digalakkan untuk menggunakan kemudahan seperti di kafe internet, komputer awam atau Wi-Fi percuma kerana dikhawatir maklumat peribadi kita mudah untuk dicuri

3

Hafal kata laluan atau nombor pengenalan peribadi. Cipta kata laluan yang mempunyai kombinasi simbol, perkataan dan nombor agar ia susah untuk dicerobohi

4

Sentiasa tulis URL (alamat internet) bank anda dan bukan klik pada mana-mana pautan. Periksa URL bank anda mempunyai “<https://>” dan bukan “<http://>” apabila berurus



5

Lindungi komputer anda daripada penceroboh, virus dan program perosak dengan memuat turun perisian antivirus yang terkini. Berhati-hati juga apabila memuat turun sebarang perisian

6

Jangan lupa untuk **LOG KELUAR** setelah selesai melakukan urusan perkhidmatan perbankan

PERBANDINGAN PERBANKAN


PERKHIDMATAN INTERNET

	PENGURUSAN				PEMBAYARAN			PEMINDAHAN DANA				TAMBAH NILAI	URUSAN ASNB	TABUNG HAJI	E-PENYATA
	Akaun	Cek	Pinjaman	Pelaburan	Bil (pelbagai)	PTPTN	Zakat	Akaun Sendiri	Pihak Ketiga	IBG	IBFT				
 Maybank	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
 CIMB BANK	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
 BANK ISLAM	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✗	✓	✗	✓	✓
 BANK RAKYAT سینت بیان	✓	✗	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✗	✓	✗	✓	✓
 AmBank Group	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✗	✓	✓
 RHB◆	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
 HONG LEONG BANK	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
 PUBLIC BANK	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✗	✓
 UOB 大華銀行	✓	✓	✓	✓	✓	✗	✗	✓	✓	✓	✗	✓	✗	✗	✓
 Bank Muamalat بنك معاذل	✓	✓	✓	✗	✓	✗	✗	✓	✓	✓	✗	✓	✗	✓	✓
 HSBC ◀▶	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✗	✓	✗	✗	✓
 BSN	✓	✗	✓	✓	✓	✗	✓	✓	✓	✓	✗	✓	✗	✓	✓

* PERINGATAN: Bahagian K-Ekonomi mahupun Kerajaan Negeri Melaka adalah sama sekali tidak bertanggungjawab atas segala maklumat yang dipaparkan sekerasnya maklumat ini didapati tidak benar atau menyebabkan sebarang kerugian pada para pembaca. Para pembaca seharusnya mendapatkan maklumat yang terkini secara terus daripada bank-bank yang dikehendaki.

Jenis Ancaman Siber Perkhidmatan Perbankan Internet

Sumber: <http://resources.infosecinstitute.com>



PHISING


Teknik *phishing* merupakan teknik serangan yang paling popular digunakan kepada pengguna sistem perbankan di mana satu penipuan melalui email akan membawa pengguna melawat laman web yang dicipta seakan-akan seperti laman web yang sebenar untuk mendapatkan data kewangan pengguna seperti butiran akaun, nombor keselamatan sosial dan nombor kredit kad.

Kenapakah pengguna boleh tertipu dengan teknik *phishing* ini? Ini kerana, pihak yang menipu menghantar email atau iklan kepada mangsa iaitu pengguna di mana kandungan email/iklan tersebut seakan-akan dihantar oleh pihak bank/syarikat kad kredit. Email tersebut meminta penerima klik pada pautan (*link*) yang disediakan di mana pautan ini akan membawa penerima kepada laman web bank yang telah diubahsuai seperti laman web bank yang sebenar. Penerima yang mempercayai laman web berkenaan akan memasukkan maklumat sensitif seperti kata laluan, nombor kad kredit dan butiran akaun bank yang akhirnya akan digunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab untuk mengeluarkan wang pengguna.

WATERING HOLE

Watering hole adalah evolusi teknik serangan ‘*spear phishing*’ iaitu serangan *phishing* yang memfokuskan kepada individu atau pihak tertentu. Serangan ini menyutik kod berbahaya ke laman web yang biasa dikunjungi oleh sekumpulan kecil pelawat.

Penyerang menunggu mangsanya melawat laman web yang telah ‘diubahsuai’ daripada mengajak mereka mengunjungi laman web berkenaan melalui email *phishing*. Selalunya penyerang telah menggodam laman web sasaran lebih awal sebelum laman web itu bersedia untuk digunakan sebagai medium serangan. Kaedah serangan *watering hole* ini sangat cekap kerana sangat sukar untuk mencari laman web yang telah digodam oleh penyerang.



Rajah menunjukkan cara teknik ‘watering hole’ menyerang mangsanya

PHARMING

Serangan *pharming* adalah serangan yang dilakukan dengan menggunakan atau menggodam alamat laman web bank supaya pengguna yang ingin melayari laman web bank mereka akan dibawa melayari ke laman web palsu yang kelihatan seperti laman web sebenar tanpa pengetahuan pengguna tersebut.

CREDIT CARD REDIRECTION



Teknik ini adalah satu teknik baru yang dilihat menggunakan laman web e-dagang yang telah digodam untuk mengambil maklumat kad kredit dan debit.

MALWARE

Serangan berasaskan Malware adalah ancaman yang berbahaya kerana jumlah serangan malware terhadap perkhidmatan perbankan dilihat begitu konsisten meningkatkan serangannya. Antara malware sering dikaitkan dengan perbankan internet adalah Trojan Zeus dan Trojan Hand of Thief.

DDoS ATTACKS

Volume Based | Penyerang membanjiri bandwidth laman web sasaran dengan kuantiti data yang sangat besar
Protocol | Menepuk sumber pelayan sasaran atau pengantara peralatan komunikasi dengan mengeksploitasi kelemahan protokol rangkaian.
Application Layer | Serangan pada lapisan ke-7 ini direka untuk menghabiskan had sumber perkhidmatan laman web.



WARREN E. MARSHALL

Individu Penting Perkhidmatan Perbankan Internet

PENGENALAN

Nama Wareen E. Marshall dalam bidang perbankan internet menjadi buatan apabila institusi kewangan yang diterajui beliau iaitu Stanford Federal Credit Union merupakan institusi kewangan yang pertama menyediakan perkhidmatan perbankan internet kepada penggunanya iaitu pada bulan Oktober 1994.

Beliau berasal daripada California dan mempunyai ijazah dari Kolej Chaffey, California State University di Los Angeles dan juga the University of Southern California. Beliau terkenal dengan kehebatan dalam teknologi tinggi di mana beliau telah membina sendiri komputer pada tahun 1970-an dan membuat hosting sendiri bagi sistem papan bulletin atas talian pada awal tahun 1980.

KARIER

Beliau merupakan seorang presiden dan CEO kepada Stanford Federal Credit Union sejak tahun 1985 dan mempunyai pengalaman selama 30 tahun di Stanford Federal Credit Union dari menjadi seorang sukarelawan sehingga kepada bidang pengurusan. Beliau berperanan besar dalam membantu Stanford Federal Credit Union menjadi pencetus kepada bidang e-dagang pada tahun 1990-an.

Setelah sekian laman menjadi CEO kepada Stanford Federal Credit Union iaitu dari tahun 1985 sehingga tahun 1999, beliau mengambil keputusan untuk bersara dari Stanford Federal Credit Union pada tahun 2000 untuk mengetuai Credit Union Service Organization (CUSO) yang kemudiannya dikenali sebagai CyberBranch. Marshall berkata bahawa beliau telah berkembang menjadi seseorang yang dekat dengan teknologi semasa beliau di Credit Union.

Persaraan beliau ini dipengaruhi oleh kejayaan beliau dalam membantu Stanford Federal Credit Union menjadi institusi kewangan pertama di dunia yang menyediakan perkhidmatan perbankan internet dan beliau ingin memberikan tumpuan dalam menjadikan Internet sebagai saluran utama kepada Credit Union. Beliau telah menjadi orang penting dalam industri perbankan internet dan sering menjadi penceramah untuk topik yang berkaitan dengan perbankan internet.

BANK ‘INTERNET’ PERTAMA



STANFORD
FEDERAL CREDIT UNION

Stanford Federal Credit Union merupakan institusi kewangan pertama di dunia yang menjalankan urus niaga melalui internet kepada penggunanya pada bulan Oktober 1994 dan yang pertama mempunyai program perbankan berdasarkan laman web. Ia terletak di Sao Alto, California dan menyediakan perkhidmatan perbankan kepada komuniti Stanford.

Sumber: Credit Union Times, Wikipedia.org

Samsung Galaxy Tab 3 Kids



Sumber: Samsung Malaysia

Samsung Galaxy Tab 3 Kids bukan sahaja digunakan oleh kanak-kanak, tetapi juga boleh digunakan oleh ibu bapa untuk mengawal penggunaan anak-anak mereka seperti menguruskan aplikasi yang boleh digunakan dan juga boleh menghadkan masa penggunaan anak-anak pada peranti ini. Selain itu, ibu bapa juga boleh menggunakan tablet ini untuk kegunaan biasa tanpa perlu membeli tablet yang lain.

OS	Android Jelly Bean 4.1	WEIGHT	302g
CHIPSET	Dual core, 1.2GHz	STORAGE	8GB (built-in)
DISPLAY	7 inch (1024 x 600)	BATTERY	4000 mAh
CAMERA	3 MP (rear), 1.3 MP (back)	PRICE	RM 799
MEMORY	1GB RAM	COLOUR	Yellow

Gadget Terkini November 2013

Konsol Permainan Video



PlayStation®4



Xbox One



Wii U

Sumber: IGN.com

CPU	x86-64 AMD "Jaguar", 8 cores	8 Core AMD custom CPU	IBM Power®-based multi-core processor
GPU	1.84 TFLOPS	1.23 TFLOPS	352 GFLOPS
Storan	500GB	500GB	8GB(basic) 32GB(deluxe)
RAM	8GB GDDR5	8GB DDR3	2GB DDR3
Keluaran	Sony	Microsoft	Nintendo



PROGRAM / KURSUS ICT

Bahagian K-Ekonomi dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan Negeri Melaka untuk merancang dan melaksanakan kursus-kursus ICT khusus buat rakyat Negeri Melaka. Kursus ini tidak dikenakan bayaran kerana ianya ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Melaka

PELAKSANAAN PROGRAM / KURSUS ICT BULAN NOVEMBER 2013

Taklimat & Bengkel ICT Guru-guru Negeri Melaka	3hb November 2013	Pusat ICT Negeri Melaka (UTC)
Microsoft Access 2010 Guru-guru Jabatan Agama Islam Melaka Bil 1/2013	6hb - 7hb November 2013	Pusat ICT Negeri Melaka (UTC)
Program Inkubator (I-KIT) 2.0	8hb - 9hb November 2013	Pusat ICT Negeri Melaka (UTC)
Latihan ICT Warga Emas JKKK Kampung Air Tawar (KRT Seri Nawar)	9hb - 10hb November 2013	Balairaya JKKK Kampung Air Tawar
Microsoft Access 2010 Guru-guru Jabatan Agama Islam Melaka Bil 2/2013	11hb - 12hb November 2013	Pusat ICT Negeri Melaka (UTC)
Microsoft Access 2010 Guru-guru Jabatan Agama Islam Melaka Bil 3/2013	13hb - 14hb November 2013	Pusat ICT Negeri Melaka (UTC)
Microsoft Access 2010 Guru-guru Jabatan Agama Islam Melaka Bil 4/2013	18hb November 2013	Pusat ICT Negeri Melaka (UTC)
Microsoft Access 2010 Guru-guru Jabatan Agama Islam Melaka Bil 5/2013	19hb November 2013	Pusat ICT Negeri Melaka (UTC)
Latihan ICT Belia JKKK Kampung Air Tawar (KRT Seri Nawar)	23hb - 24hb November 2013	Balairaya JKKK Kampung Air Tawar
Program Cuti Sekolah: Google SketchUp	27hb November 2013	Makmal ICT Perdana Inkubator K-Ekonomi
Program Cuti Sekolah: Corel Video Studio X4 (Video Editing)	28hb November 2013	Makmal ICT Perdana Inkubator K-Ekonomi
Program Cuti Sekolah: Adobe Illustrator	29hb November 2013	Makmal ICT Perdana Inkubator K-Ekonomi

* Semua jenis program/kursus ICT yang dianjurkan oleh Bahagian K-Ekonomi adalah PERCUMA

PROGRAM



Microsoft Access untuk Guru-guru Sekolah JAIM
6 - 7 November 2013



Program Inkubator (I-KIT) 2.0 @ UTC
8 - 9 November 2013



Latihan Asas ICT Penduduk JKKG Kg. Air Tawar
23 - 24 November 2013



Program Cuti Sekolah: Google SketchUp
27 November 2013



Program Cuti Sekolah: Corel Video Studio X4
28 November 2013



Program Cuti Sekolah: Adobe Illustrator
29 November 2013

SENARAI BANK DI MALAYSIA YANG MENAWARKAN PERKHIDMATAN PERBANKAN INTERNET (Bahagian 1)

Sumber: Bank Negara Malaysia



AFFIN BANK BERHAD
<https://rib.affinonline.com>
03-2055 9000



AGROBANK
<https://www.agronet.com.my>
06-284 4537



ALLIANCE BANK MALAYSIA BERHAD
<https://www.allianceonline.com.my>
03-2694 8800



AMBANK (M) BERHAD
<https://ambank.amonline.com.my>
03-2167 3000



BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD
<https://www.bankislam.biz>
03-2088 8000



BANK KERJASAMA RAKYAT MALAYSIA
<https://www.irakyat.com.my>
03-2088 8000



BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD
<https://www.i-muamalat.com.my>
03-2698 8787



CIMB BANK BERHAD
<https://www.cimbclicks.com.my/ibk/>
03-2619 1188



CITIBANK BERHAD
<https://www.citibank.com.my/MYGCB/>
03-2383 8585



BANK OF AMERICA MERRILL LYNCH
<http://corp.bankofamerica.com/business/bi/Malaysia>
03-2034 3900



STANDARD CHARTERED BANK MALAYSIA BERHAD
<https://ibank.standardchartered.com.my>
03-2117 7777



BANK OF TOKYO-MITSUBISHI UFJ
(MALAYSIA) BHD
<http://www.bk.mufg.jp/global/malaysia/index.html>
03-2034 8000



AL RAJHI BANKING & INVESTMENT
CORPORATION (MALAYSIA) BERHAD
<https://www.alrajhi24seven.com.my>
03-2301 7000



BNP PARIBAS MALAYSIA BERHAD
<http://www.bnpparibas.com.my/>
03-2179 8383



BANK SIMPANAN NASIONAL
<https://www.mybsn.com.my/mybsn>
03-2162 3222

SENARAI BANK DI MALAYSIA YANG MENAWARKAN PERKHIDMATAN PERBANKAN INTERNET

(Bahagian 2)

Sumber: Bank Negara Malaysia

Deutsche Bank

DEUTSCHE BANK (MALAYSIA) BERHAD
<https://www.db.com/malaysia/>
03-2053 6788

Maybank

MALAYAN BANKING BERHAD
<https://www.maybank2u.com.my>
03-2070 8833

HONG LEONG BANK

HONG LEONG BANK BERHAD
<https://s.hongleongconnect.my>
03-2164 2828

PUBLIC BANK

PUBLIC BANK BERHAD
<https://www2.pbebank.com>
03-2176 6000

HSBC AMANAH

Islamic Finance for Life
HSBC AMANAH MALAYSIA BERHAD
<https://www.hsbcamanah.com.my>
03-8321 5200

RHB

RHB BANK BERHAD
<https://logon.rhb.com.my/>
03-9287 8888

HSBC

HSBC BANK MALAYSIA BERHAD
<https://www.hsbc.com.my>
03-8321 5202

RBS

The Royal Bank of Scotland
THE ROYAL BANK OF SCOTLAND BERHAD
<https://my.access.rbsm.com/>
03-2160 9888

ICBC

INDUSTRIAL AND COMMERCIAL
BANK OF CHINA (MALAYSIA) BERHAD
<https://www.hsbc.com.my>
03-8321 5202

SMBC

SUMITOMO MITSUI BANKING
CORPORATION MALAYSIA BERHAD
<http://www.smbc.co.jp/global/malaysia/>
03-2168 1500

J.P.Morgan

J.P. MORGAN CHASE BANK BERHAD
<https://www.jpmorgan.com>
03-2718 0500

Kuwait Finance House

KUWAIT FINANCE HOUSE (M) BERHAD
<https://www.kfonline.com.my>
03-2168 0000

OCBC Bank

OCBC BANK (MALAYSIA) BERHAD
<https://internet.ocbc.com.my/internet-banking/>
03-2034 5034

UOB

UNITED OVERSEAS BANK (MALAYSIA) BERHAD
<https://www.uob.com.my>
03-2692 4511